

TARIKH	AHAD, 11 OGOS 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	SEKTOR AWAM MASIH LEMAH KEKANG SERANGAN SIBER
M/S	2
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Sektor awam masih lemah kekang serangan siber

Kuala Lumpur: Pakar sekuriti siber negara mendapati sektor awam negara termasuk kakitangannya masih lemah dalam persediaan terhadap serangan siber seperti penggodaman, sekali gus menjadi punca kegagalan dalam mengesan sepenuhnya eskplotasi penjenayah digital khususnya dari negara asing.

Lebih membimbangkan, kelemahan seperti penggunaan peranti (endpoints) seperti telefon bimbit, komputer peribadi, pencetak, pengimbas mahupun meter pintar yang mempunyai maklumat peribadi penting kakitangan awam dan rakyat juga masih tidak diberi perhatian oleh sektor kerajaan, walaupun Malaysia sedang melangkah ke arah negara maju sepenuhnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Novem CS, Murugason R Thangaratnam, berkata peranti elektronik yang kelihatan biasa pada

pandangan rakyat sebenarnya sudah lama menjadi sasaran utama penjenayah siber untuk mendapatkan akses kepada maklumat sensitif.

Menambah tekanan, katanya, berlaku kebergantungan sepenuhnya Kerajaan Persekutuan, negeri dan tempatan terhadap *connected devices* di tempat kerja, tetapi kakitangan awam sendiri tidak mengetahui jumlah peranti yang sudah mereka rangkakan dan gunakan pada setiap masa.

“Di Malaysia, sektor awam dilihat masih ketinggalan berbanding sektor swasta dalam keselamatan siber dan menjadi fakta yang begitu menakutkan.

“Saya yakin sekiranya ada kajian terperinci dibuat, responden daripada sektor kerajaan ju-



Murugason

ga berasakan mereka tidak 'bersedia dengan baik' kepada sebarang risiko berkaitan serangan siber.

“Dalam banyak kes, keselamatan *endpoints* tidak dilihat sebagai keperluan tinggi dalam kontrak perolehan teknologi maklumat (IT).

“Kurang menilai risiko yang ditimbulkan peranti ini boleh mendatangkan kelemahan yang mungkin dieksploitasi penjenayah siber.

“Pengguna yang tidak dibenarkan boleh mengakses peranti ini melalui sambungan tanpa talian yang tidak selamat, sekali gus membenarkan sesiapa sahaja menangkap data tertentu atau mengakses rangkaian dalaman,” katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, *BH* melaporkan ATM mendedahkan ribuan cu-

baan aktiviti penggodaman di-kesan berlaku hampir setiap hari, khususnya terhadap pegawai kerajaan dengan penggodam kini mula menyasarkan alat elektronik peribadi milik mereka.

Ketua Pengarah Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan, Datuk Mohd Fadzli Kamal Mohd Mohaldin, berkata kegiatan itu meningkat khususnya ketika ketegangan isu Laut China Selatan dengan penggodam cuba mendapatkan data sensitif disimpun dalam alat elektronik.

Murugason berkata, penjenayah siber menyasarkan peranti *endpoints* kerana ia sentiasa dilengkapi fungsi dan rangkaian lebih baik.

“Kerajaan harus menandatangani keselamatan siber disebabkan kos serangan siber dan kecurian data meningkat setiap hari.

“Ada tiga langkah utama perlu kerajaan usahakan atasi pencerobohan peranti *endpoints* iaitu

melindungi data digital secara proaktif khususnya melindungi kata laluan dan memanfaatkan penyulitan termasuk perkongsian dokumen dan maklumat peribadi melalui e-mel dan aplikasi pemesejan.

“Kedua, keperluan mengadakan pengurusan peranti berpusat untuk memastikan kakitangan mempunyai persekitaran paling terkini dan selamat. Keperluan untuk mereka mematuhi dasar keselamatan, pengurusan fleet, maklumat sulit dan pelupusan peranti akhir oleh perkhidmatan dibenar sahaja.

“Ketiga, cari teknologi terkini pastikan peranti komputer peribadi hingga telefon mudah alih tidak mampu terjejas. Ini bermaksud tindakan melampaui produk perlindungan virus bolt-on sehingga pendekatan keselamatan berlapis yang diperlukan untuk memerangi serangan lanjutan,” katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM